

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II: 2022/ 2023**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 30113
PRINSIP EKONOMI**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
 2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
 3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
 4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
 5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.
-

Kertas soalan ini mengandungi **SEBELAS(11)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A


Arahan: Jawab SEMUA soalan.

[40 markah]

1. Berikut merupakan urutan konsep dalam ekonomi. Apakah konsep X?

HPK1


T1



- A. Keperluan
 B. Pilihan
 C. Usahawan
 D. Kos pengeluaran
2. Berdasarkan rajah 1, AB ialah keluk kemungkinan pengeluaran roti coklat dan kek vannila

HPK1

T1



Rajah 1

Titik G menerangkan mengenai pengeluaran barang

- A. AB tidak boleh dicapai kerana pengeluaran adalah maksimum dan menggunakan sumber yang optimum
- B. AB boleh dicapai tetapi wujud pembaziran, ketidakcekapan pengeluaran dan kapasiti maksimum
- C. AB tidak boleh dicapai kerana sumber pengeluaran yang tinggi, kecekapan maksimum dan sumber ekonomi yang banyak
- D. AB boleh dicapai dengan meningkatkan modal kewangan dan faktor pengeluaran yang maksimum

3. Berikut adalah ciri-ciri ekonomi Islam **KECUALI**:

HPK1


T1

- A. Ekonomi campuran yang berlandas syariat islam.
- B. Segala sumber milik tuhan dan perlu digunakan sebaiknya.
- C. Semua kegiatan individu tertakluk kepada tuntutan akhlak dan adab.
- D. Tiada campuran tangan kerajaan sebagai perancang, pengawal, pengeluar dan pengguna.

4. Rajah 2 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran.

HPK1

T1



Keluk kemungkinan pengeluaran beralih dari AA ke DD kerana perkara yang berikut **KECUALI**:

- A. Pertambahan teknologi.
- B. Tingkat teknologi tetap.
- C. Buruh mahir yang mencukupi.
- D. Pertambahan sumber pengeluaran.

5. Apakah kesan yang mungkin timbul daripada pertukaran sistem ekonomi perancangan pusat kepada sistem ekonomi kapitalis?

HPK1

T1

- A. Pilihan pengguna terhad
- B. Keagungan pengguna diamalkan
- C. Agihan pendapatan yang seimbang
- D. Kerajaan mengenakan undang-undang

6. Berikut adalah faktor-faktor mempengaruhi permintaan **KECUALI**:

HPK1

T2

- A. Harga barang lain
- B. Bilangan pengeluar
- C. Pendapatan pengguna
- D. Harga barang itu sendiri

7. Berikut adalah kenyataan **BENAR** berkaitan hukum penawaran.

HPK1

T2

- I. Hubungan langsung atau positif
 - II. Hubungan songsang atau negatif
 - III. Semakin tinggi sesuatu barang, semakin banyak kuantiti barang ditawarkan
 - IV. Semakin tinggi sesuatu barang, semakin kurang kuantiti barang ditawarkan
- A. I, II
 - B. I, III
 - C. II, III
 - D. II, IV

8. Tentukan fungsi permintaan bagi jadual 1 berikut.

HPK1

T2

Harga (RM)	Kuantiti (Q)
7	50
8	40
9	30

Jadual 1

- A. $Q_d = 10 - 5P$
- B. $Q_d = 20 - 10P$
- C. $Q_d = 10 - 20P$
- D. $Q_d = 120 - 10P$

9. Keseimbangan pasaran merujuk kepada sesuatu keadaan apabila HPK1
T3
- A. Permintaan sama dengan penawaran.
 - B. Permintaan lebih daripada penawaran.
 - C. Permintaan kurang daripada penawaran.
 - D. Permintaan lebih atau kurang daripada penawaran.
10. Lebihan penawaran merujuk kepada keadaan di mana HPK1
T3
- A. Kuantiti ditawarkan melebihi kuantiti di minta.
 - B. Kuantiti diminta sama dengan kuantiti ditawarkan.
 - C. Kuantiti diminta melebihi atau kurang kuantiti ditawarkan.
 - D. Kuantiti diminta atau ditawarkan melebihi kuantiti diminta.
11. Yang manakah **BUKAN** faktor yang mempengaruhi keanjalan penawaran suatu barang? HPK1
T3
- A. Mobiliti faktor pengeluaran.
 - B. Bilangan kegunaan barang.
 - C. Kos pengeluaran tambahan.
 - D. Bilangan firma dalam industri.
12. Keterangan berikut adalah benar berkaitan barang pengganti dan barang penggenap **KECUALI**: HPK1
T3
- A. Contoh barang pengganti kopi dan teh.
 - B. Contoh barang penggenap petrol dan kereta.
 - C. Bagi barang pengganti, nilai keanjalan permintaan silang adalah positif.
 - D. Bagi barang penggenap, nilai keanjalan permintaan silang adalah positif.

Soalan 13 dan 14 berdasarkan jadual 2.

HPK1

T3

Harga barang R (RM)	Kuantiti diminta barang S (Unit)
5	10
10	50

Jadual 2

13. Berdasarkan jadual 2 di atas, kirakan darjah keanjalan permintaan silang jika harga barang R naik daripada RM5 kepada RM10

- A. - 0.25
- B. - 1.25
- C. 0.25
- D. 1.25

14. Apakah hubungan antara barang R dan S?

HPK1

T3

- A. Barang biasa.
- B. Barang mewah.
- C. Barang pengganti.
- D. Barang penggenap.

15. Berikut adalah kenyataan **BETUL** mengenai takrifan pasaran persaingan sempurna.


HPK1

T4

- A. Pasaran yang mempunyai seorang penjual dan seorang pembeli serta menjalankan urusan niaga ke atas yang bersifat homogen (sama jenis).
- B. Pasaran yang mempunyai ramai penjual dan seorang pembeli serta menjalankan urusan niaga ke atas yang bersifat homogen (sama jenis).
- C. Pasaran yang mempunyai pembeli sahaja serta menjalankan urusan niaga ke atas yang bersifat homogen (sama jenis).
- D. Pasaran yang mempunyai penjual sahaja serta menjalankan urusan niaga ke atas yang bersifat homogen (sama jenis).

16. Output keseimbangan dicapai bagi pasaran pesaingan sempurna apabila HPK1
T4
- A. $MC - MR$
 - B. $MC > MR$
 - C. $MC < MR$
 - D. $MC = MR$
17. Berikut adalah ciri-ciri pasaran monopoli **KECUALI**: HPK1
T4
- A. Penjual tunggal.
 - B. Pengiklanan tidak penting.
 - C. Keluaran mempunyai pengganti hampir.
 - D. Keluaran tidak mempunyai pengganti hampir.
18. Berikut halangan kemasukan firma ke dalam pasaran persaingan monopoli HPK1
T4
- KECUALI:**
- A. Halangan undang-undang.
 - B. Pemilikan faktor pengeluaran terhad.
 - C. Pemilikan faktor pengeluaran semulajadi.
 - D. Halangan kewangan dan tingkat teknologi.

Soalan 19 dan 20 berpandukan kepada rajah 3 yang berikut.



Rajah 3

19. Harga keseimbangan firma ialah

HPK1

T4

- A. RM14
- B. RM16
- C. RM17
- D. RM18

20. Tingkat output keseimbangan firma ialah

HPK1

T4

- A. 40 unit.
- B. 50 unit.
- C. 52 unit.
- D. 55 unit.

BAHAGIAN B

[60 markah]

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.**Soalan 1**

- a) Senaraikan **EMPAT (4)** sumber ekonomi dan **DUA (2)** ganjaran daripada sumber ekonomi tersebut. HPK1
T1

[6 markah]

- b) Dalam bidang ekonomi, gabungan barang dengan perkhidmatan dikenali sebagai barangan. Barang dapat dibezakan kepada tiga pengkelasan utama. Jelaskan **TIGA (3)** pengkelasan barang tersebut. HPK1
T1

[6 markah]

- c) Jadual yang berikut menunjukkan hubungan antara tingkat harga dengan kuantiti yang diminta dan yang ditawarkan HPK1
T2

Harga (RM)	Kuantiti diminta (Qd)	Kuantiti ditawarkan (Qs)
1	370	220
2	340	240
3	310	260
4	280	280
5	250	300
6	220	320
7	190	340i.

- i. Hitung fungsi permintaan. (Tunjukkan jalan pengiraan)

[4 markah]

- ii. Hitung fungsi penawaran. (Tunjukkan jalan pengiraan)

[4 markah]

Soalan 2

- a) Berikan definisi konsep di bawah: HPK1
- i. Keseimbangan pasaran [2 markah] T3
 - ii. Keanjalan permintaan harga [2 markah]
- b) Terangkan **TIGA (3)** faktor mempengaruhi keanjalan permintaan harga. HPK1
- [6 markah] T3
- c) Jadual dan fungsi permintaan dan penawaran bagi sesebuah pasaran seperti di bawah HPK1
- T3

Fungsi permintaan: $Q_d = 400 - 40P$, Fungsi Penawaran: $Q_s = 100 + 20P$

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawarkan (unit)
1	360	120
2	320	140
3	280	160
4	240	180
5	200	200
6	160	220
7	120	240

- i. Hitung tingkat harga dan output keseimbangan pasaran.
(Tunjukkan jalan pengiraannya) [3 markah]
- ii. Hitung keanjalan permintaan jika harga keseimbangan merosot sebanyak 20% iaitu RM 5 kepada RM 4. [1.5 markah]
- iii. Hitung keanjalan penawaran jika harga keseimbangan merosot sebanyak 20% iaitu RM 5 kepada RM 4. [1.5 markah]
- iv. Kerajaan telah mengenakan cukai RM 1.00 per unit. Cari fungsi penawaran baru. [1.5 markah]
- v. Hitung tingkat harga dan output keseimbangan baru. [2.5 markah]

Soalan 3

- a) Berikan definisi konsep di bawah: HPK1
- i. Pasaran monopoli. [2 markah] T4
- ii. Pasaran persaingan bermonopoli. [2 markah]
- b) Jelaskan **TIGA (3)** ciri-ciri pasaran persaingan sempurna. HPK1
- [6 markah] T4
- c) Sesebuah firma dalam pasaran persaingan sempurna mempunyai jadual kos seperti berikut. Firma ini mempunyai kos tetap yang perlu ditanggung sebanyak RM300. HPK1
- T4

Keluaran	Kos berubah (RM)
0	-
1	100
2	150
3	210
4	290

- i. Hitung jumlah kos keluaran (tingkat keluaran 1 hingga 4) [4 markah]
- ii. Hitung jumlah hasil (tingkat keluaran 1 hingga 4) [4 markah]
- iii. Hitung keuntungan atau kerugian firma jika tingkat harga pasaran RM200 (tingkat keluaran 2 hingga 3) [2 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab